

Konvoi motosikal jelajah 1Malaysia



KONVOI Jelajah 1Malaysia 'Kami Prihatin' memilih kampus UTeM, Durian Tunggal, Melaka sebagai persinggahan pertama mereka.

Oleh Mohd Khairulhusaini
Mohd Saad
bhvarsiti@bharian.com.my

DERUMAN motosikal berkuasa tinggi menarik perhatian warga kampus Universiti Teknikal Malaysia Melaka

(UTeM), Kampus Durian Tunggal, baru-baru ini. Kira-kira 120 motosikal peserta konvoi singgah di pekarangan kampus berkenaan dalam siri program Jelajah 1Malaysia Motosikal Berkuasa Tinggi sempena kempen

'Kami Prihatin', anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Persatuan Bermotosikal Negeri Johor (PBNJ). Yang Dipertua GPMS UTeM, Ahmad Akmal Abdull Wahid, berkata program itu bertujuan

memberikan kesedaran kepada masyarakat, terutama pelajar, mengenai isu pembuangan bayi yang berleluasa.

"Melalui program ini juga, kami percaya dapat membentuk jati diri dan mewujudkan insan seimbang. Kami juga percaya program ini dapat menghasilkan pelajar yang bersikap lebih bijak di samping membangkitkan rasa tanggungjawab dalam kalangan badan bukan kerajaan (NGO).

"Kita harap ini adalah permulaan dan lebih banyak kempen seumpama ini dapat diadakan pada masa akan datang," katanya.

Kampus UTeM Durian Tunggal ialah persinggahan pertama konvoi ini selepas memulakan perjalanan dari Johor Bahru, dan ia akan menjelajah ke seluruh negara.

Antara yang turut serta



MARIZAN (tiga dari kiri) bersama peserta konvoi Jelajah 1Malaysia 'Kami Prihatin' di kampus UTeM, Durian Tunggal, baru-baru ini.

dalam konvoi ini ialah kerabat diraja Johor, dan penyanyi terkenal, Fauziah Latiff.

Ketibaan konvoi itu disambut Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Prof Ir Dr Marizan Sulaiman; pegawai-pegawai HEPA; pelajar dan ahli-ahli GPMS UTeM.

Turut diadakan pameran

'Kami Prihatin' dan pengedaran risalah kesihatan. Rombongan juga turut dibawa melawat ke sekitar kawasan kampus induk UTeM sebelum berlepas ke destinasi seterusnya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan.